



KENYATAAN MEDIA

YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

STATUS JEREBU DALAM NEGARA

28 OGOS 2016 (AHAD)

Keadaan berjerebu yang dialami di beberapa kawasan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia khususnya di negeri Johor beberapa hari lalu kini beransur reda. Sehingga jam 11 pagi, sebanyak 32 kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) pada tahap 'baik', 18 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'sederhana' dan **tiada (0) kawasan yang mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'tidak sihat'**. Bacaan IPU tertinggi adalah 86 (sederhana), masing-masingnya dicatatkan di Bandaraya dan Bukit Rambai, Melaka.

BILANGAN TITIK PANAS (HOTSPOT)

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 27 Ogos 2016, sebanyak 2 titik panas (hotspot) yang dikesan di Sumatera, Indonesia, manakala sebanyak 16 titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan. Bilangan sebenar titik panas (hotspot) di Sumatera tidak dapat ditentukan kerana cerapan satelit tidak menyeluruh dan faktor litupan awan. Sementara itu, dalam negara pula, sebanyak 1 titik panas (hotspot) dikesan di negeri Sabah dan 4 titik panas

(hotspot) di kesan di negeri Sarawak iaitu 2 di Bahagian Miri dan 1 masing-masingnya di Bahagian Bintulu dan Kapit. Lokasi titik-titik panas (hotspot) dalam negara sedang disiasat dan diambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya. Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh pihak ASMC pada 27 Ogos 2016 adalah seperti di **Rajah 1**.

TINDAKAN-TINDAKAN

Jabatan Alam Sekitar (JAS) masih memantau rapi status kualiti udara di seluruh negara berikutan kejadian jerebu masih tidak menentu. Titik-titik panas (hotspots) di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia yang masih aktif boleh menyebabkan pencemaran jerebu merentas sempadan berterusan ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan ke negeri Sarawak.

Mekanisme tindak balas (response mechanism) semasa berlakunya jerebu adalah mengikut Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan. Pelan ini menggariskan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat bagi menghadapi episod jerebu mengikut peringkat dan tahap berjaga-jaga dengan berpandukan bacaan IPU mengikut tempoh masa tertentu.

Selaras dengan Pelan tersebut, tindakan-tindakan berikut telah diambil oleh agensi yang terlibat iaitu:-

- (i) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengaktifkan **Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan** yang akan bersidang pada 29 Ogos 2016; dan
- (ii) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah mengaktifkan **Jawatankuasa Kerja Menangani Situasi Jerebu** pada 19 Ogos 2016.

NASIHAT

Untuk tidak memburukkan keadaan berjerebu, semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play'.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
28 OGOS 2016

PETA JEREBU SERANTAU, 27 OGOS 2016

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)



Regional Haze Update

In the southern ASEAN region, few hotspots were detected in Sumatra due to partial satellite coverage and cloud cover. Isolated hotspots were also observed in western Kalimantan. No significant hotspots were detected in the northern ASEAN region due to widespread shower activities. The prevailing winds in the region are expected to blow mainly from the southwest or southeast over the next few days.